

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa Ke-27

DIBAPTIS DAN DIUTUS

TEMA BULANAN:

GEREJA KRISTUS DALAM MISI DI DUNIA

Dimandatkan untuk Misi



Bagi Gereja Katolik, Oktober 2019 telah diisytiharkan sebagai Bulan Misi Luar Biasa. Dalam bulan ini, Bapa Suci ingin memberikan kesedaran kepada bahawa gereja yang berziarah adalah misioner menurut kodratnya. Dalam surat apostolik yang berkaitan yakni *Evangelii Gaudium* (n.15), Paulus Fransiskus menulis, "Aktiviti mewartakan Injil adalah paradigma untuk setiap aktiviti dalam Gereja".

Mandat dalam misi ini telah menyentuh hati kita: Saya adalah misi, selamanya; anda adalah misi, selamanya; setiap lelaki dan wanita yang dibaptis adalah misi.

– Paulus Fransiskus



Bacaan Injil Harian:

Hab. 1:2-3; 2:2-4;
Mzm. 95:1-2,6-7,8-9;
2Tim. 1:6-8,13-14;
Luk. 17:5-10.

Kami, sebagai Gereja, telah diberikan Mandat yang Agung - "Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman." (Matius 28: 19-20).

Sememangnya, Gereja diwujudkan untuk mewartakan injil, untuk menjadikan kerajaan Tuhan di dunia kita. Dan kita sebagai Tubuh Kristus, merupakan sebahagian daripada, serta menyumbang kepada misi ini. Untuk melaksanakannya dengan berkesan, kita perlu terlebih dahulu menjalinkan pertembungan peribadi dengan Kristus. Maka doa murid-murid dalam Injil hari ini bergema, "**Tingkatkan-lah keimanan kita**".

Ketika kita mengakui dan meraikan Tuhan dalam aktiviti-aktiviti seharian kita, kegembiraan dalam Injil turut diwartakan. Dan apabila kita membawa Tuhan ke dalam kehidupan kita, kita diyakinkan bahawa Dia yang memimpin kita ketika kita merenungkan kata-kata pemazmur, "Sebab Dialah Tuhan kita, dan kitalah umat gembalaan-Nya dan kawanannya domba tuntunan tangan-Nya." Maka dengan keyakinan terhadap kehadiran-Nya dalam kehidupan kita, kita bersedia untuk memenuhi injuksi Santo Paulus kepada Timotius untuk "ikutlah menderita bagi Injil-Nya oleh kekuatan Tuhan."

Pada hari pengadilan, semoga kita dengan rendah hati mengucapkan, "Kami adalah hamba-hamba yang tidak berguna; kami hanya melakukan apa yang kami harus lakukan". Dan kita melakukannya dengan sepenuh daya dan keupayaan kita, melalui bakat rahmat dan sumber daya yang Dia merahmatkan kepada kita. ✽

Perkataan minggu
Tingkatkan-lah keimanan kita